

Newspaper	Berita Harian
Date	25/7/2014

Kadar pertumbuhan PKS perlu dipertingkatkan: Najib

» 4 Program Berimpak Tinggi dilaksana capai KDNK 41 peratus menjelang 2020

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya

Kadar pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu ditingkatkan kepada 9.3 peratus setahun berbanding 6.3 peratus sekarang bagi mencapai sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 41 peratus pada tahun 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata bagi mencapai matlamat itu, empat Program Berimpak Tinggi (HIP) akan dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun secara berperingkat, selain peningkatan produktiviti oleh PKS melalui pembangunan bersifat inovasi dan penguasaan pengetahuan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata program diterajui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp) itu turut mewujudkan tettingkap tunggal untuk PKS membuat pendaftaran, selain memohon lesen perniagaan yang diperlukan.

"Program Pelaburan PKS juga akan ditingkatkan supaya tidak hanya membabitkan penyediaan dana oleh kerajaan, sebaliknya turut menggalakkan sumbangan dana daripada sektor swasta untuk pembangunan PKS. Melalui Program GoEx, kita menggalakkan



Najib pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Yang turut hadir Mustapa dan Zeti Akhtar.

BH - 5/7/2014

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

eksploitasi bagi melonjakkan penyertaan PKS di pasaran antarabangsa.

Bantu syarikat PKS

"Di bawah Program Pemangkin, kita akan kenal pasti dan mempromosi beberapa syarikat PKS setiap tahun yang boleh dibantu dan diberi galakan untuk menjadikan mereka juara tempatan. Kriteria menentukan syarikat PKS yang berpotensi tinggi ini adalah mereka mesti mencapai (peningkatan) jualan tahunan minimum 20 peratus.

"Melalui inisiatif ini, kita dapat capai kadar pertumbuhan lebih tinggi secara keseluruhan," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Ke-16 di Perdana Putra, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Najib berkata, bagi tempoh

antara tahun 2006 hingga tahun 2013, PKS sudah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan 6.3 peratus lebih tinggi daripada pertumbuhan purata ekonomi keseluruhan iaitu sebanyak 4.7 peratus.

Katanya, pada tahun ini kadar pertumbuhan PKS dijangka terus berkembang di antara 5.5 dan 6.5 peratus dan sasaran 9.3 peratus setahun mampu dicapai secepat mungkin melalui inisiatif yang dilaksanakan.

Dalam perkembangan sama, Najib memaklumkan mesyuarat semalam turut bersetuju mengukuhkan tiga model ker-

jasama strategik berkaitan produktiviti dan inovasi sebagai Pusat Sehati bagi pengkomersialan dan perkhidmatan PKS.

Katanya, kerjasama berkenaan membabitkan SME Corp dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Fraunhofer Institute dan SIRIM Berhad serta Steinbeis Institute dan Agensi Inovasi Malaysia.

Perkukuh peranan PKS

Selain itu, katanya, sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun depan, Malaysia akan memberi tumpuan untuk memperkukuhkan peranan PKS di rantau ini bagi menjadikan ASEAN sebagai satu komuniti ekonomi, pasaran tunggal dan asas pengeluran tunggal.

"Secara purata, antara 95 dan 99 peratus perniagaan di negara ASEAN bersifat PKS, justeru amat penting untuk kita menghubungkan mereka (syarikat PKS) antara satu sama lain supaya berpeluang menjadikan ASEAN pasaran mereka," katanya.

FAKTA NOMBOR

9.3 peratus

Sasaran kadar pertumbuhan PKS setahun